

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SYARIKAT TEAMWORK RACT (M) SDN. BHD.  
ALOR SETAR, KEDAH

MUHIRAH BT MARTA  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

IMBATTAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Perpustakaan



LI 34 FPE 4 2005



1100045010

## Laporan akhir latihan industri di Syarikat Teamwork Pact (M) Sd. Bhd., Kedah / Munirah Marta.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045010

1100045010

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEN

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SYARIKAT TEAMWORK PACT (M) SDN BHD  
ALOR SETAR, KEDAH**

**Oleh :**

**MUNIRAH BT MARTA  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**i100045010**

## **Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya, Munirah Binti Marta. No Matrik UK 8410

Mengakui bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



**Nama : Munirah Binti Marta**

**Tarikh : 21/11/105**

**Disahkan Oleh :**



**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kerana dengan rahmat dan kasih-sayangNya, akhirnya berjaya jua pelatih menamatkan Latihan Industri dan menyiapkan laporan akhir ini dalam tempoh yang ditetapkan dengan jayanya.

Di kesempatan yang terhad ini juga pelatih ingin melahirkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Syarikat Teamwork Pact (M) Sdn Bhd yang sudi menerima pelatih menjalani latihan di organisasi mereka, pihak universiti-Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, pihak Urusetia Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Penyelia Latihan Industri dari Kustem iaitu Tuan Haji Manan B. Ali, Penyelia Latihan Industri dari Teamwork Pact (M) iaitu Tuan Haji Abd Aziz B. Md Zain, staf-staf di Teamwork Pac (M)t yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan, ibu bapa yang banyak berkorban wang ringgit iaitu En Marta Yaacob dan Puan Fatimah Abu Bakar, ibu bapa angkat En Zakaria dan Puan Zuwayyah di atas kesudian menerima kedatangan pelatih di rumah kalian sepanjang latihan industri dijalankan, sahabat terbaik yang banyak membantu Zainura Zakaria serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi dorongan sepanjang pelatih menjalani latihan industri ini.

Sesungguhnya segala ilmu, nasihat, tunjuk ajar dan pengalaman yang dicurahkan kepada pelatih sepanjang mejalani latihan industri ini tidak akan di

sia-siakan dan ia akan menjadi salah satu guru terbaik yang mampu membantu pelatih di masa hadapan.

Segala jasa, sumbangan dan pengorbanan yang kalian curahkan tidak dapat pelatih membalaunya dan hanya pada Allah sahaja yang termampu pelatih serahkan segalanya.

Sekian, terima kasih.

## PRAKATA

Latihan Industri yang mempunyai kod kursus PGN 4799 merupakan salah satu subjek teras yang diwajibkan kepada pelajar ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran dan program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi amnya. Subjek ini ini diwajibkan kepada pelajar semester 4.

Melalui Latihan Industri, setiap pelatih berpeluang merasai suasana sebenar dalam pekerjaan di setiap agensi yang ditetapkan samada agensi swasta atau awam dan dapat meraih pengalaman beharga untuk menempuh alam pekerjaan selepas tamat belajar kelak. Di samping itu, Latihan Industri juga memberi pemahaman yang jelas tentang teori pembelajaran yang dipelajari dengan mempraktikkannya pada suasana sebenar alam pekerjaan.

Faedah terbesar yang di perolehi pelatih melalui Latihan Industri ini, pelatih secara tidak langsung mendapat pendedahan dan keyakinan yang tinggi untuk berhadapan dengan suasana sebenar masalah yang bakal dihadapi pelatih samada masalah dalam tugasan yang diberikan oleh pensyarah ataupun masalah ketika berada di alam pekerjaan kelak. Laporan ini juga merupakan sebahagian prasyarat yang ditetapkan oleh pihak universiti bagi membolehkan pelatih bergraduat. Dengan adanya laporan ini, akan membolehkan Penyelia Industri pelatih dan pihak fakulti menilai tahap pencapaian pelatih ketika menjalani praktikal di organisasi berkenaan.

# **SENARAI ISI KANDUNGAN**

**Mukasurat**

Senarai Jadual

Senarai Gambarajah

Senarai Rajah

Ringkasan Eksekutif

## **BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI**

1.1	Latar Belakang Organisasi	1
1.1.1	Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.1.2	Logo Organisasi	2
1.1.3	Visi Organisasi	3
1.1.4	Misi Organisasi	3
1.1.5	Tumpuan Pasaran	3
1.1.6	Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	4
1.1.7	Kekuatan Organisasi	5
1.2	Maklumat Organisasi	6
1.3	Carta Organisasi	8
1.3.1	Unit/Jabatan	9
1.4	Aktiviti Organisasi	20

1.4.1 Produk yang Ditawarkan	20
1.4.2 Aktiviti Untuk Kemajuan Organisasi	24
1.5 Kemahiran yang Ingin Dipelajari	25
1.5.1 Jadual Sepanjang Latihan Industri	27

## **BAB 2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1	Sistem Pembelian	27
2.1.1	Sistem Sedia Ada	27
2.1.2	Mengenalpasti Masalah	30
2.1.3	Punca Masalah	31
2.1.4	Rumusan Analisis dan Perbincangan	32
2.1.5	Cadangan Penyelesaian	33
2.1.6	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	34
2.2	Sistem Sebutharga	35
2.2.1	Sistem Sedia Ada	35
2.2.2	Mengenalpasti Masalah	41
2.2.3	Punca Masalah	42
2.2.4	Rumusan Analisis dan Perbincangan	43
2.2.5	Cadangan Penyelesaian	43
2.2.6	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	44
2.3	Sistem Permohonan Kerja Lebih Masa	45
2.3.1	Sistem Sedia Ada	45
2.3.2	Mengenalpasti Masalah	47
2.3.3	Punca Masalah	47
2.3.4	Rumusan Analisis dan Perbincangan	48
2.3.5	Cadangan Penyelesaian	48
2.3.6	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	49

**BAB 3****PENUTUP**

3.1	Kesimpulan	50
	Rujukan	52

## **SENARAI JADUAL**

**Mukasurat**

**Jadual 1 :Jadual Sepanjang Latihan Industri di Teamwork Pact**

**27**

## **SENARAI GAMBARAJAH**

**Mukasurat**

Gambarajah 1 : Logo Organisasi	2
Gambarajah 2 : Contoh Barang Kejuruteraan/Hardware	21
Gambarajah 3 : Contoh Barang Komponen Elektronik	22
Gambarajah 4 : Contoh Barang Peralatan Pejabat	23

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Mukasurat</b>
Rajah 1 : Carta Organisasi Syarikat	8
Rajah 2 : Aliran Proses Prosuder Pembelian	12
Rajah 3 : Aliran Prosuder Menyediakan Invois Jualan	16
Rajah 4 : Aliran Proses Pemasaran	18
Rajah 5 : Aliran Proses Pembelian	29
Rajah 6 : Contoh Borang Sebutharga (Request For Quotation)	37
Rajah 7 : Contoh Borang Sebutharga Kepada Pelanggan	38
Rajah 8 : Contoh Borang "Sample For Approval"	39
Rajah 9 : Aliran Proses Sebutharga	40
Rajah 10 : Aliran Proses Permohonan Kerja Lebih Masa	46

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Syarat yang ditetapkan oleh pihak universiti untuk kelayakan bergraduat, setiap pelajar dari program Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran, wajib menjalani Latihan Industri yang telah ditetapkan selama tiga bulan. Latihan industri ini merupakan salah satu subjek teras yang penting dalam Program Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran dan program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi amnya.

Secara dasarnya, latihan industri ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia sebenar pekerjaan yang bakal ditempuhi pelajar selepas tamat pengajian kelak di samping memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman dan ilmu pengetahuan di luar kampus. Ia juga memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelatih apabila dapat mempraktikkan teori yang di pelajari semasa proses pembelajaran apabila mempraktiknya dengan suasana yang sebenar.

Pelatih telah memilih Syarikat Teamwork Pact (M) Sdn Bhd di negeri Kedah sebagai organisasi untuk menjalani Latihan Industri tersebut. Syarikat yang dimiliki oleh sepenuhnya oleh bumiputera ini beroperasi di No.66 & 67, Tingkat 3, Jalan PSK 1, Pekan Simpang Kuala, 05400 Alor Setar, Kedah Darul Aman dan mempunyai cawangan di 21-2, Jalan 2/27F, Kuala Lumpur Satellite Centre, Wangsa Maju, 55300 Kuala Lumpur.

Sepanjang menjalani latihan industri pelatih telah ditetapkan di empat bahagian utama dalam syarikat iaitu bahagian jualan, bahagian pemasaran, bahagian akaun dan bahagian pembelian.

Laporan ini terkandung penemuan mengenai sistem sedia ada yang digunakan oleh organisasi, latar belakang dan aktiviti organisasi, penemuan masalah yang dihadapi serta pemberian cadangan yang difikirkan wajar dan relevan. Di harap segala cadangan yang diusulkan mampu memberi manfaat kepada organisasi serta dapat memantapkan lagi kedudukan organisasi pada masa akan datang.